



TAUFIQ melawat sesi pendaftaran pelajar baharu.

## 4,362 pelajar ditawarkan lanjut pengajian di UMS

DE 4.9.2019 3  
**Ottey Peter**

KOTA KINABALU: Seramai 4,362 pelajar yang ditawarkan melanjutkan pengajian di Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi Sesi Pendaftaran Pelajar Baharu 2019/2020.

Naib Canselor UMS, Professor Dr Taufiq Yap Yun Hin berkata jumlah itu termasuk 2,570 pelajar dari Sabah, 1,690 pelajar dari Semenanjung Malaysia dan Sarawak dan 102 adalah pelajar antarabangsa.

Beliau berkata pelajar antarabangsa itu daripada 14 negara, iaitu China (72 orang), Korea Selatan (2 orang), Hong Kong (2 orang) dan seorang daripada Jepun, Filipina, Afrika Selatan, Gabon, Yemen, Maldives, Mesir dan Pakistan.

"UMS turut menawarkan 178 tempat bagi pelajar kurang bernasib baik dibawah kumpulan B40 dan mencapai syarat kelayakan minimum yang telah ditetapkan.

"Tahun ini, UMS turut mengalu-alukan kemasukan lapan pelajar kelainan upaya (OKU) dan kesemua mereka ditempatkan di aras bawah Kolej Kediaman Tun Fuad bagi memudahkan pergerakan mereka selain menyediakan kenderaan khas untuk ke kelas.

"Kesemua pelajar akan tinggal di kolej kediaman dan akan mengikuti minggu orientasi (MSM) sehingga 6 September, dalam persediaan untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan di kampus," kata Taufiq kepada media semasa sidang media yang diadakan di Kolej E, UMS di sini, Selasa.

Taufiq berkata UMS turut menawarkan program baharu untuk pengambilan terkini, iaitu sebanyak 40 pelajar.

Beliau berkata program itu adalah Sarjana Muda Sains Komputer (Sains Data), yang direka untuk memenuhi permintaan industri.